

| Practice area               | Practitioner body  |
|-----------------------------|--|
| chiropractic and osteopathy | Federation of Complementary and Natural Medical Associations, Malaysia |
| Islamic medical practice    | Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia           |

Made 9 February 2021  
[KKM.S.600-1/3/357 Bil.1; PN(PU2)734]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA  
*Minister of Health*

**P.U. (A) 70.**

**AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015**

**PERATURAN-PERATURAN KEBAJIKAN HAIWAN (Fi PELESENAN) 2021**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah perenggan 62(2)(i) dan (j) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [*Akta 772*], Menteri, setelah berunding dengan Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Fi Pelesenan) 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2021.

**Pengeluaran lesen**

2. Jika suatu permohonan lesen itu diluluskan oleh Lembaga, Lembaga hendaklah mengeluarkan lesen atas nama pemohon apabila dibayar fi yang dinyatakan dalam Jadual.

**Pembaharuan lesen**

3. Jika suatu permohonan untuk suatu pembaharuan lesen diluluskan oleh Lembaga, lesen itu hendaklah diperbaharui apabila dibayar fi yang dinyatakan dalam Jadual.

**Penggantian lesen**

4. (1) Seseorang pemegang lesen boleh memohon untuk penggantian lesennya kepada Lembaga jika lesennya hilang, musnah atau rosak.

(2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Lembaga dengan mengemukakan suatu permohonan bertulis dalam apa-apa bentuk dan mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Lembaga boleh, selepas menerima permohonan bagi penggantian lesen di bawah subperaturan (1), mengeluarkan lesen ganti untuk menggantikan lesen asal.

## JADUAL

Fi

(Peraturan 2 dan 3)

| Bil. | (1)<br>Butiran    | (2)<br>Fi (RM) |
|------|-------------------|----------------|
| 1.   | Pengeluaran lesen | 100            |
| 2.   | Pembaharuan lesen | 50             |

Dibuat 15 Januari 2021  
[KP/LA/483/22; PN(PU2)746]

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
*Menteri Pertanian dan Industri Makanan*

## ANIMAL WELFARE ACT 2015

## ANIMAL WELFARE (FEES OF LICENSING) REGULATIONS 2021

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 62(2)(i) and (j) of the Animal Welfare Act 2015 [*Act 772*], the Minister, after consulting the Board, makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Animal Welfare (Fees of Licensing) Regulations 2021**.

(2) These Regulations come into operation on 1 July 2021.

**Issuance of licence**

2. Where an application for a licence is approved by the Board, the Board shall issue a licence in the name of the applicant upon payment of the fee as specified in the Schedule.

### Renewal of licence

3. Where an application for renewal of a licence is approved by the Board, the licence shall be renewed upon payment of the fee as specified in the Schedule.

### Replacement of licence

4. (1) A licensee may apply for a replacement of his licence to the Board if his licence is lost, destroyed or damaged.

(2) An application under subregulation (1) shall be made to the Board by submitting a written application in any form and manner as determined by the Board.

(3) The Board may, after receiving the application for a replacement of licence under subregulation (1), issue a replacement licence to replace the original licence.

#### SCHEDULE

#### FEEs

(Regulations 2 and 3)

| No. | (1)<br>Particulars  | (2)<br>Fee (RM) |
|-----|---------------------|-----------------|
| 1.  | Issuance of licence | 100             |
| 2.  | Renewal of licence  | 50              |

Made 15 January 2021  
[KP/LA/483/22; PN(PU2)746]

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
*Menteri Pertanian dan Industri Makanan*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA  
WJW21/0394 23-02-2021